

<b>Publication</b>	<b>Harian Metro</b>	<b>Section /Page No.</b>	<b>Bisnes / Pg. 66</b>
<b>Date</b>	<b>Fri, 22<sup>nd</sup> July 2016</b>	<b>Lead Article</b>	<b>No</b>
<b>Headline</b>	<b>Media Sosial Medium Sampai Maklumat</b>		

## Media sosial medium sampai maklumat

**Petaling Jaya:** Kerajaan meminta setiap agensi seperti Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Talent Corporation Malaysia Bhd (TalentCorp) dan Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas) mengguna pakai media sosial sebagai medium menyampaikan maklumat kepada golongan muda.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan berkata, TERAJU, TalentCorp dan Ekuinas juga dilihat terus memperkasakan

agenda Bumiputera bagi menyumbang pertumbuhan ekonomi negara.

Katanya, peranan agensi terbabit menyampaikan maklumat dan kejayaan dicapai menerusi medium media sosial perlu diguna pakai.

“Saya ingin agensi ini memberi tumpuan kepada media sosial menggunakan bahasa yang mereka (rakyat) boleh fahami, berinteraksi dan meyakinkan kerana sekarang adalah zaman mengguna pakai media sosial se-



**ABDUL Rahman (tengah)** pada sesi lawatan ke TERAJU, TalentCorp dan Ekuinas, semalam.

perti Twitter, Instagram dan Facebook.

“Malah, saya menyarankan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) setiap agensi perlu mempunyai akaun Facebook

atau media sosial lain bagi berkongsi maklumat,” katanya pada sidang media selepas sesi lawatan ke TERAJU, TalentCorp dan Ekuinas, di sini, semalam.